

LAMPIRAN G.1

GARISPANDUAN UNTUK KAWALAN PEMAJUAN DI KAWASAN JALAN DUNN

1.0 Kawasan Pemakaian

Garispanduan yang dicadangkan akan terpakai kepada lot-lot yang ditunjuk dalam pelan MPPP/PN-0002 (PG/JD) (88/A2) (Lampiran A).

2.0 Jenis Pemajuan

Hanya pemajuan kediaman dibenarkan dan hendaklah dihadkan kepada rumah-rumah jenis sesebuah dan rumah pangsa mewah berketinggian rendah.

Rumah jenis deret, sebandung dan pemajuan perumahan kos rendah tidak akan dibenarkan.

3.0 Kawalan Ketumpatan

Ketumpatan yang dibenar (permissible density) adalah tidak lebih dari 10 unit seekar, dan ketumpatan maksima (maximum density) adalah 20 unit seekar dengan dikenakan bayaran pemajuan mengikut garispanduan yang sediada. Tiada penukaran ruang lantai sepadan akan dibenarkan.

4.0 Kawalan Ketinggian

Pemajuan baru di atas lot-lot yang tersebut tidak dibenarkan melebihi 3 tingkat sahaja.

5.0 Garisan bangunan

Garisan bangunan bagi Jalan Dunn akan dikekalkan pada 50' 0" dari garisan perlebaran jalan. Walaupun ini tidak terpakai kepada lot-lot di persimpangan Jalan Perak & Lebuhraya Peel di mana garisan bangunan yang sediada akan kekal.

6.0 Lega minima dari sempadan lot

Had lega minima dari sempadan lot di tepi dan di belakang adalah ditetapkan pada 10 kaki untuk bangunan-bangunan 3 tingkat seperti diamalkan sekarang.

7.0 Tarikh Perlaksanaan

Tarikh perlaksanaan adalah tarikh garispanduan ini diluluskan dan dipakai dengan rasminya.

i) Permohonan yang belum diputuskan

Tarikh perlaksanaan ini terpakai juga kepada permohonan yang belum diputuskan.

DILULUSKAN OLEH MAJLIS PADA 09.12.1988.

**MAJLIS PERBANDARAN
PULAU PINANG**

JABATAN PERANCANGAN
BANDAR DAN PEMBANGUNAN

GARISPANDUAN UNTUK KAWALAN
PEMAJUAN DI KAWASAN
JALAN DUNN

(Pelan No. MPPP/PN-002(PG/JD)(88/A2)

PETUNJUK

■ PEMAJUAN TIDAK DIBENARKAN
MELEBIHI 3 TINGKAT

— GARISAN BANGUNAN 50 KAKI
DARI SEMPADAN REZEB JALAN

